

Pertandingan Pidato Rebut Piala Pengetua Kolej Kediaman 1



Kuantan, 16 April – Kolej Kediaman 1 dengan kerjasama Jabatan Bahasa Asing serta Jabatan Softskills Pusat Bahasa Moden dan Sains Kemanusiaan menganjurkan Pertandingan Pidato Piala Pengetua 2017 bertempat di UMP Gambang. Pertandingan ini telah disertai seramai 13 orang peserta yang turut disertai oleh pelajar antarabangsa dari pelbagai negara termasuk yang berasal dari China, Yemen dan Somalia.

Pertandingan ini dibahagikan kepada tiga kategori iaitu kategori mahasiswa, kategori mahasiswi dan kategori pelajar antarabangsa dalam menyampaikan pidato bertemakan Mental Generasi Muda, Pembangunan Mahasiswa dan memasyarakatkan Teknologi.



Menurut Pengetua Kolej Kediaman 1, Nurul Arina Raihan Che Azmi, pertandingan ini memberi peluang mahasiswa menonjolkan bakat dalam berpidato yang pada masa yang sama meningkatkan kemahiran peserta.

"Slot ceramah 'Oh I Love Your Presentation' juga diadakan bagi berkongsi kemahiran dalam membantu mahasiswa mendapatkan idea baharu dan menguasai persembahan," katanya yang hadir menyampaikan hadiah kepada pemenang.

Dalam pertandingan ini menyaksikan pemenang tempat pertama dimenangi Muhammad Shakkir Mozamir yang menjuarai kategori mahasiswa manakala Wan Rozalidiya Wan Ahmad menang kategori mahasiswi. Sementara itu, bagi kategori antarabangsa pula dijuarai oleh calon Pertandingan Pidato Antarabangsa Bahasa Melayu (PABM) 2017, He Yu Hai. Pemenang membawa pulang piala dan sijil penghargaan manakala hadiah saguhati telah menerima sijil penyertaan dan cenderamata.

Disediakan oleh Siti Muslihah Isnain dari Pusat Bahasa Moden dan Sains Kemanusiaan

Posted By : NORHIDAYAH BINTI MOHAMAD Date Posted : 03-05-2017, 11:31:28